

# HEPA UMS anjur Sayembara Penulisan Puisi

**LABUAN:** Bahagian Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA), Universiti Malaysia Sabah (UMS) akan menganjurkan Sayembara Penulisan Puisi yang menawarkan hadiah lumayan berupa wang tunai, buku dan sijil penyertaan.

Penolong Pendaftar Kanan, HEPA, Masri Judah berkata pertandingan itu terbuka kepada rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah dan Wilayah Persekutuan Labuan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu terbuka / dewasa dan pelajar sekolah menengah (Tingkatan 1 hingga 6).

Katanya, johan bagi

kategori terbuka / dewasa akan memenangi hadiah wang tunai RM700, kedua RM500 dan ketiga RM300 di samping buku dan sijil penyertaan serta 10 hadiah saguhati berupa buku dan sijil.

Manakala hadiah wang tunai RM300 menanti johan bagi kategori pelajar sekolah menengah, naib johan RM200 dan ketiga RM100 berserta sijil penyertaan dan buku.

Masri berkata pertandingan yang bertemakan ‘UMS



**MASRI**

Tonggak Ilmu ‘hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.

Mereka yang berminat hendaklah menghantar penyertaan pada atau sebelum 28 Februari 2010 dengan menggunakan borang penyertaan di laman web UMS <http://www.ums.edu.my> atau menghubungi talian telefon 088-320000 sambungan 4440 (Masri Judah), 2700 (Dr Andika Aziz Hussein) dan 4222 (Norhana Nordin).